

Insaniah tawar empat program pengajian diploma

ALOR STAR, Ahad – Institut Agama Islam Negeri Kedah Darulaman (Insaniah) menawarkan empat program pengajian peringkat diploma menerusi dua pengambilan kemasukan 2002 bermula pada 19 Mei dan 2 Jun depan.

Empat program diploma yang ditawarkan Insaniah Tahfiz Al Quran, Perakauan, Pengurusan dan Teknologi Maklumat menerusi kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Kuliyyah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.

Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Akademik) Insaniah, Baihaki Hassan, berkata seramai 285 akan mengikuti empat program berkenaan dengan jumlah seramai 225 mengikuti pengajian Kuliyyah Pengurusan manakala baki selebihnya Tahfiz Al Quran.

Beliau berkata, pendaftaran bagi pelajar Tahfiz al Quran akan diadakan di Maahad Tahfiz Al Quran Insaniah yang terletak bersebelahan Masjid Sultanah Alor Star pada 19 Mei ini.

Sementara bagi pelajar yang mengambil program Kuliyyah Pengurusan pula, katanya, pendaftaran bertempat di Jalan Kampung Baru Alor Setar pada 2 Jun depan.

Ketika ini, Insaniah mempunyai tiga kampus iaitu kampus induk di Taman Wira Mergong, kampus cawangan Kuliyyah Pengurusan di Jalan Kampung Baru dan Maahad Tahfiz di Jalan Sultanah.

Seramai 1,085 pelajar ditempatkan di ketiga-tiga kampus berkenaan dan daripada jumlah itu, seramai 821 pelajar tinggal di asrama.